




KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN TENDER PERUNDING

Tender ini terbuka kepada firma perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER DITUTUP
1.	<p>No. Tender: KPLB.T(P).3/2021</p> <p>PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA (LEAD CONSULTANT) BAGI PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) KAWASAN KEMABONG, TENOM, SABAH</p>	<p>Berdaftar dengan:</p> <p>i) Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p>Kod Bidang: 330101 (Kejuruteraan Awam)</p> <p>dan 330102 (Kejuruteraan Struktur)</p> <p><i>Perunding Utama hendaklah melantik sub perunding sebagaimana yang ditetapkan di dalam Arahan Kepada Petender dalam Dokumen Tender.</i></p>	<p>Perunding DIWAJIBKAN untuk membuat pendaftaran dalam talian di <i>link</i> seperti di bawah:</p> <p>https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScWs5MIDICW9W7XPYGlg6ewdCGfWoYIT71CKHj3wvZsQeNUKq/viewform?usp=pp_url</p> <p>ATAU Scan Kod QR</p> 	<p>Tarikh Dijual :</p> <p>13 Januari 2022 sehingga 27 Januari 2022</p> <p>Waktu:</p> <p>9.00 Pagi - 12.30 Tengahari 2.30 - 4.00 Petang (Isnin - Khamis)</p> <p>9.00 - 11.00 Pagi 3.00 - 4.00 Petang (Jumaat)</p>	<p>Pejabat KPLB Negeri Sabah,</p> <p>Tingkat 2, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamuning, 88100 Kota Kinabalu, Sabah.</p> <p>Harga Dokumen (Dokumen dijual dalam bentuk <i>soft copy</i>) : RM 10.00</p>	<p>Tarikh Tutup :</p> <p>3 Februari 2022</p> <p>Waktu : 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat :</p> <p>Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.</p>

BIL	BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU TENDER DITUTUP
		ii) Lembaga Profesional Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)	Tarikh Pendaftaran : 7 Januari 2022 Masa Pendaftaran : 9.00 pagi - 12.00 tengah hari *Emel keputusan pendaftaran akan dihantar kepada perunding pada <u>12 Januari 2022</u>			

- Perunding yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tender boleh disemak di **Pejabat KPLB Negeri Sabah, Tingkat 2, Blok C, Bangunan KWSP, Jalan Karamunsing, 88100 Kota Kinabalu, Sabah dan Bahagian Perolehan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** pada waktu pejabat.
- Perunding **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan menyertai tender ini. Satu syarikat hanya dibenarkan untuk membuat **satu pendaftaran sahaja untuk setiap projek**. Pendaftaran hanya akan dibuka seperti tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas.
- Firma perunding yang layak sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Firma perunding yang memenuhi syarat kelayakan tender seperti di atas sahaja akan dipelawa melalui emel ke alamat emel yang didaftarkan dalam borang pendaftaran secara dalam talian. Perunding dikehendaki untuk mencetak emel tersebut sebagai bukti untuk dikemukakan kepada Pegawai yang bertugas di kaunter bagi tujuan pembelian Dokumen Tender.
- Hanya penama yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat penyertaan tender sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender. Sila bawa bersama sijil pendaftaran **asal** seperti di syarat penyertaan tender **berserta salinan-salinannya**. (salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan) dan emel keputusan pendaftaran dalam talian yang dicetak untuk pembelian Dokumen Tender.
- Perunding yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (Money Order) / Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia – KPLB – T** sebagai bayaran Dokumen Tender (Dokumen dijual dalam bentuk *soft copy*). Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

6. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
7. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan **ditandakan** “**Cadangan Teknikal**“ dan “**Cadangan Kos**” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :-

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR,
ARAS 15, No. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA
(U.P: BAHAGIAN PEROLEHAN)**

8. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan Kementerian tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
9. Semua petender dikehendaki untuk mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) dan segala arahan berkaitan Pelan Pemulihan Negara (PPN/NRP) yang berkuatkuasa sepanjang urusan tender ini.